

Utusan Malaysia - SJPP Sedia Pembiayaan RM30 Bilion Sejak 2009

Rabu, Jan 24 2018

SJPP sedia pembiayaan RM30 bilion sejak 2009

Oleh MUHD. SHAHIZAM TAZALI

ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 23 Jan. - Syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) telah menyediakan pembiayaan hampir RM30 bilion sejak 2009 menerusi pelbagai skim yang disediakan.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, SJPP diamanahkan oleh kerajaan untuk mentadbir dan menguruskan pelbagai skim jaminan termasuk jaminan kerajaan bagi membantu syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Jelas beliau, sebanyak 11,339 PKS telah mendapat manfaat daripada skim yang ditawarkan dan SJPP berupaya menguruskan jaminan pada kadar bayaran yang rendah iaitu antara 0.5 hingga satu peratus.

"SJPP telah memudahkan PKS untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan serta menyerlahkan potensi mereka kepada ekonomi negara. Oleh itu kerajaan melalui Bajet 2018 telah memperuntukkan lebih RM9 bilion kepada SJPP untuk disalurkan kepada PKS dalam pelbagai sektor.

"Skim-skim yang terlibat adalah Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK) yang menerima RM5 bilion, SJMK Perniagaan Permulaan (RM200



Sebanyak 11,339 PKS telah mendapat manfaat daripada skim yang ditawarkan dan SJPP berupaya menguruskan jaminan pada kadar bayaran yang rendah iaitu antara 0.5 hingga satu peratus."

MOHD. IRWAN SERIGAR ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

juta), Skim Jaminan Sektor Perkhidmatan (SJSP) (RM2 bilion), Skim Jaminan Proses Automasi (SJPA) (RM1 bilion) dan Skim Jaminan Harta Intelek (SJHI) (RM1.5 bilion)," katanya dalam taklimat Skim Jaminan Kerajaan bersama media di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai SJPP, Dr. Nungsari Ahmad Radhi dan Ketua Pegawai Operasi SJPP, Datuk Kamal Mohd. Ali.

Mohd. Irwan menambah, SJPA dan SJHI merupakan dua skim baharu yang diperkenalkan untuk memberi galakan kepada PKS bagi mentransformasikan teknologi yang digunakan serta memudahkan akses kewangan kepada usahawan muda yang mempunyai harta

intelekt (IP).

Menurutnya, SJPA merupakan galakan kepada PKS untuk menukar kaedah pengeluaran tradisional kepada automasi yang bakal meningkatkan produktiviti mereka selain mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

"SJHI pula memberi ruang kepada usahawan muda yang mempunyai IP namun tidak memulakan perniagaan kerana kesukaran dalam mendapatkan akses kewangan. Menerusi skim jaminan ini lebih banyak tunai dapat disediakan dan kerajaan memberi jaminan sebanyak 80 peratus bagi tujuan berkenaan serta berharap pihak bank turut terbuka kepada skim pembiayaan tersebut" kata beliau.